



SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) EDISI KALI KE-10 TAHUN 2025

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN RENANG



UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN RENANG SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KE-10, 2025

1 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Renang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh **Persekutuan Renang Amatur Antarabangsa (FINA)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut;
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada Peraturan Tetap dan Peraturan Am SIPMA
 - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang Peraturan Pertandingan **Persekutuan Renang Amatur Antarabangsa (FINA)**.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah muktamad.

2 PENYERTAAN

- 2.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.
- 2.2 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan renang lelaki dan satu (1) pasukan renang wanita terdiri daripada:

Kategori	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
Jurulatih	1 orang	1 orang
Pemain	15 orang	15 orang
JUMLAH	17 orang	17 orang



2.3 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan berikut:

- 2.3.1 Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
- 2.3.2 Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM)
- 2.3.3 Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM)
- 2.3.4 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- 2.3.5 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM)
- 2.3.6 Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM)
- 2.3.7 Majlis Sukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (MASISWA)
- 2.3.8 Majlis Sukan Kolej Vokasioanal Malaysia (MASKoV)

2.4 Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola pada yang telah ditetapkan. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Setiausaha Agung Majlis Sukan Pasukan atau Ketua Kontinjen masing-masing.

2.5 Pegawai dan pemain WAJIB membawa '**Kad Akreditasi**' sebagai pengeshan bagi setiap perlawanan sepanjang SIPMA berlangsung.

2.6 Tiada peserta gantian boleh dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran. Hanya penguguran acara sahaja dibenarkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan. Penukaran peserta (dalam kalangan peserta berdaftar sahaja) hanya dibenarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan selepas tarikh tutup pendaftaran

3 KELAYAKAN

3.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.

4 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

4.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

4.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 yang asal untuk disahkan dan No. Kad Matrik (untuk yang berkenaan).

4.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.



4.4 Selepas taklimat pengurus pasukan, sebarang permohonan penyingkiran acara peserta tidak dibenarkan.

5 JADUAL PERTANDINGAN

5.1 Jadual pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

6 SISTEM PERTANDINGAN

6.1 SISTEM

6.1.1 Acara Perseorangan

6.1.1.1 Setiap kontinjen dibenarkan menghantar dua (2) orang peserta bagi setiap acara. Peserta simpanan atau gantian adalah tidak dibenarkan.

6.1.2 Acara Berpasukan

6.1.2.1 Setiap kontinjen hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan sahaja bagi setiap acara.

6.1.2.2 Dalam acara BERGANTI-GANTI, nama-nama peserta mengikut susunan untuk pusingan awal, hendaklah diserahkan tidak lewat daripada satu (1) jam sebelum permulaan acara berkenaan. Bagi acara BERGANTI-GANTI RAMPAIAN, nama-nama peserta hendaklah diberi mengikut gaya atau kuak mereka.

6.1.2.3 Seorang ahli pasukan atau peserta simpanan boleh ditukarkan, tanpa sekatan, bagi tiap-tiap pusingan saringan, separuh akhir dan akhir.

6.1.3 Acara-acara Renang yang ditawarkan (Kategori Lelaki dan Wanita) adalah seperti berikut:-

KOD ACARA	ACARA	WANITA	LELAKI
01	50m Gaya Bebas	X	X
02	100m Gaya Bebas	X	X
03	200m Gaya Bebas	X	X
04	400m Gaya Bebas	X	X
05	800m Gaya Bebas	X	-
06	1500m Gaya Bebas	-	X
07	50m Gaya Lentang	X	X
08	100m Gaya Lentang	X	X
09	200m Gaya Lentang	X	X
10	50m Gaya Dada	X	X
11	100m Gaya Dada	X	X
12	200m Gaya Dada	X	X
13	50m Gaya Kupu-kupu	X	X
14	100m Gaya Kupu-kupu	X	X
15	200m Gaya Kupu-kupu	X	X
16	200m Campuran Perseorangan	X	X
17	400m Campuran Perseorangan	X	X
18	4 X100m Gaya Bebas Berganti-ganti	X	X
19	4 X200m Gaya Bebas Berganti-ganti	X	X
20	4 X100m Campuran Berganti-ganti	X	X
JUMLAH		19	19

6.2 MENARIK DIRI

6.2.1 Setiap perenang mesti mendaftar diri sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum acara dimulakan. Sekiranya perenang tersebut



gagal berbuat demikian, maka ianya akan dibatalkan dari pertandingan tersebut.

- 6.2.2 Sekiranya seseorang atlet atau sesebuah pasukan menarik diri atau menyerah kalah dengan sengaja daripada pertandingan, maka semua keputusan perlawanan yang dimainkan oleh pasukan itu akan dibatalkan dan pasukan itu tidak akan dibenarkan memasuki sebarang pertandingan seterusnya.

6.3 PENANGGUHAN PERLAWANAN

- 6.3.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan dan dijadualkan tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian. Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan serta-merta.

7 JURI RAYUAN TERTINGGI

Rujuk Perkara 15 Peraturan Am SIPMA.

8 RAYUAN / BANTAHAN

Rujuk Perkara 17 Peraturan Am SIPMA.

9 JAWATANKUASA DISIPLIN

Rujuk Perkara 18 Peraturan Am SIPMA.

10 HADIAH-HADIAH

Rujuk Perkara 19 Peraturan Am SIPMA.

11 KEWANGAN

Rujuk Perkara 20 Peraturan Am SIPMA.



12 PERKARA AM

Rujuk Perkara 21 Peraturan Am SIPMA.

13 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan yang berkenaan dan keputusan adalah muktamad.